

Bahagian B**Sistem Bahasa dan Pemahaman Petikan**

25

1. Dalam setiap ayat di bawah ini, terdapat **satu kesalahan ejaan**. Kenal pasti kesalahan tersebut dan **tulis ejaan yang betul** pada ruang jawapan yang disediakan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

(i)

Hutan Lipur Air Menderu

Hutan lipur ini terletak di Kerteh, Terengganu. Pelbagai spesis flora dan fauna dapat dilihat disini. Banyak kemudahan yang disediakan untuk para pengunjung seperti pondok rehat, tandas awam, lorong pejalan kaki, dan tapak perkhemahan.

(ii)

Kota A Famosa

Melaka merupakan bandaraya yang banyak mengandungi sejarah. Kota A Famosa menjadi salah satu tarikan di sini. Kota yang terletak di Bandar Hilir, Melaka ini bersebelahan dengan replika Istana Kesultanan Melaka dan Gereja St. Paul.

(iii)

Pantai Cenang

Pantai Cenang terletak 18.4 kilometer dari pekan Kuah. Pantai ini menjadi lokasi yang paling banyak dikunjungi oleh pelancong. Banyak kemudahan yang terdapat di sini seperti restoran, hotel, pusat beli-belah, dan kedai cendera mata.

(i)

(ii)

(iii)

[3 markah]



2. Dalam setiap ayat di bawah ini, terdapat **satu kesalahan bahasa**. Kenal pasti kesalahan tersebut dan **tulis jawapan** yang betul pada ruang jawapan yang disediakan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

(i) Longgokan kayu-kayu di halaman rumah datuk itu adalah untuk kegunaan membakar lemak.

(ii) Sumbangan dan derma dari badan-badan bukan kerajaan amat diperlukan untuk membantu mangsa-mangsa kejadian tanah runtuh di daerah itu.

3. Baca petikan-petikan di bawah ini dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Petikan 1

PAK MAIL: Beginilah hidup kita di dunia, Fauziah. ^{-一切 在 Tuhan 权力} Segala-galanya dalam kuasa Tuhan. Ada isteri yang kehilangan suami. Ada anak yang kehilangan bapa. Kita menganggap bahawa kitalah orang yang paling malang di dunia tetapi yang sebenarnya ada orang yang lebih malang daripada kita.

FAUZIAH: (Sedih) Entahlah, ayah. Saya ... saya tidak tahu apa nak buat lagi.

PAK MAIL: Kematian Akhbar menyebabkan engkau kehilangan suami. Aku kehilangan menantu. Hayati dan Farid pula kehilangan bapa. Akhbar tidak sempat melihat anaknya yang bongsu, Farid tetapi kita harus berbangga kerana kematiannya itu sebagai seorang pahlawan. Sekarang, kita haruslah berani mewarisi kehidupan yang ditinggalkannya.

(Dipetik daripada drama 'Hadiah', antologi *Kuingin Berterima Kasih*,
Tingkatan 1, Kementerian Pendidikan Malaysia)

Petikan 2

"Bukan saya tidak mahu menghalang abang ke laut. Mahu atau tidak, abang terpaksa juga meredah laut bagi mencari sesuap nasi. Bekalan dan keperluan harian kita sudah tinggal hujung-hujung sahaja. Cuma yang saya risau ialah keadaan cuaca yang tidak menentu. Saya takut abang terkandas di tengah laut seorang diri."

Si isteri cukup berat mahu melepaskan suaminya itu ke laut. Pada malam tadi, mereka sudah berbincang tentang perkara ini. Jadi, mahu atau tidak, dia terpaksa melepaskan juga si suami untuk ke laut. Cuma ini sahajalah mata pencarian mereka sekeluarga.

(Dipetik dan diubah suai daripada cerpen 'Hidup Anak Laut',
Tunas Cipta, April 2018)

- (i) Berdasarkan Petikan 1 dan Petikan 2, nyatakan perasaan yang dialami oleh Fauziah dan si isteri.

[3 markah]

- (ii) Nyatakan dua nilai yang sama yang terdapat dalam kedua-dua petikan tersebut.

[3 markah]

- (iii) Andaikan bahawa anda baru sahaja kehilangan orang yang tersayang.

Pada pendapat anda, bagaimanakah anda menghadapi situasi tersebut? **KBAT** Menilai

[4 markah]

4. Jawapan anda hendaklah berdasarkan satu daripada novel yang telah anda kaji di Tingkatan 1.

- (i) Pelari Muda, Ghazali Ngah Azia
- (ii) Destinasi Impian, Mohd Ismail Sarbini
- (iii) Formula Termodinamik, Obasiah Haji Usman
- (iv) Sejambak Bakti, Rejab FI

Berdasarkan sebuah novel yang telah anda pelajari, huraikan **tiga** nilai murni berserta contoh peristiwa yang terdapat dalam novel tersebut yang boleh diamalkan dalam kehidupan seharian. [10 markah]
